

26 JAN 2001

Mahathir-Suqiu

KERAJAAN KAJI IMPLIKASI BAKI TUNTUTAN SUQUIU

SIK, 26 Jan (Bernama) -- Kerajaan sedang mengkaji implikasi baki tuntutan Suqiu dan sekiranya ada yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan keamanan negara ia akan diminta tidak dibangkitkan lagi, kata Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: "Kalau ada yang menjejaskan kesejahteraan dan keamanan negara, rundingan akan diadakan supaya ia tidak dibangkitkan lagi."

(Suqiu, Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina di negara ini, telah mengetepikan tujuh daripada 83 tuntutan mereka).

Perdana Menteri menyentuh mengenai tuntutan Suqiu itu pada majlis dialog selepas majlis perjumpaan mesra dengan para pemimpin cawangan Umno dari bahagian Sik dan Baling di Sek Men Keb Agama Sik di sini.

Semasa menjawab soalan seorang anggota jawatankuasa bahagian Sik, Zulkifli Abdul Kadir, Dr Mahathir berkata kedudukan orang Melayu dan Bumiputera tidak boleh dipersoalkan lagi kerana ia termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Suqiu kini menerimanya dan tidak akan membangkitkannya lagi.

Perdana Menteri berkata Suqiu juga menerima hakikat bahawa kerajaan memberi bantuan kepada orang Melayu dan Bumiputera agar mereka boleh mengejar pencapaian kaum-kaum lain.

"Lagipun usaha kerajaan itu boleh membantu menyelamatkan keamanan negara. Tidak seperti negara jiran, rusuhan berlaku apabila kaum Bumiputera ketinggalan dari segi ekonomi.

"(Jadi) jangan sesiaap sekat usaha kerajaan tolong Bumiputera dan Melayu dan kini Suqiu akui dan menerima perkara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata Suqiu juga menerima hakikat bahawa Perlembagaan Persekutuan menjamin kebebasan agama dan mengiktiraf agama Islam sebagai agama rasmi negara ini.

Menjawab soalan lain daripada Zulkifli, Perdana Menteri mengulangi pendiriannya yang menyifatkan mereka yang meminta bantuan negara asing untuk menekan negara ini, sebagai pengkhianat dan penderhaka bangsa.

"Mereka panggil penjajah dalam masa kita menentang penjajah. Mereka (adalah) penderhaka dan pengkhianat bangsa. Tiada tempat bagi penderhaka dan pengkhianat bangsa di negara ini," kata Dr Mahathir.

Ketika menjawab pertanyaan anggota jawatankuasa Pemuda Sik, Abdul Razak Bahari pula, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang mencari jalan membantu pekebun menghadapi masalah kejatuhan harga getah.

Kejatuhan itu, katanya, disebabkan oleh getah tiruan dan pengeluaran getah asli yang banyak di pasaran.

Mengenai golongan muda kurang berminat menyertai Umno seperti yang dibangkitkan Abdul Razak, Dr Mahathir berkata usaha sedang dibuat untuk mendekati mereka.

Anggota jawatankuasa Wanita bahagian Sik, Kamisah Mohamed Isa pula bertanyakan mengenai penarikan balik bantuan tanam semula getah dan Dr Mahathir berkata beliau akan menyelidik perkara itu dan menyambung semula bantuan, jika perlu.

Terdahulu pada majlis pertemuan itu, Dr Mahathir menjelaskan bahawa pada mulanya beliau bercadang mengadakan pertemuan dengan bahagian-bahagian Umno secara tertutup.

Ini kerana "tidak mahu orang lain mendengar hal rumah tangga", katanya. Bagaimanapun, pertemuan tertutup itu sukar diadakan kerana bukan sahaja

pemimpin cawangan yang hadir, malah para anggota, bukan anggota dan para pemberita.

Pertemuan dengan para pemimpin cawangan dari bahagian Sik dan Baling itu merupakan pertemuan kedua dengan Umno di Kedah selepas Dr Mahathir menemui para pemimpin cawangan dari bahagian Pokok Sena dan Padang Terap semalam.

Dr Mahathir adalah dalam rangka pertemuan dengan para pemimpin cawangan dari bahagian-bahagian di seluruh negara bagi mendapatkan maklum balas mengenai masalah Umno serta cadangan terus dari akar umbi.

-- BERNAMA

JM RON